SHAHFIQ KHARIDAN & SATU LAGI lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
ZAINAL AZMAN AB AZIZ H
[RAYUAN JENAYAH NO: CA-42(R)(A)-1-02-2021]
17 OKTOBER 2022

Abstrak – *Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara wajib menyatakan dengan pasti sama ada kesemua intipati pertuduhan telah berjaya dibuktikan atau hanya anggapan dibuat terhadap tertuduh sebelum mendapati dan memutuskan bahawa satu kes prima facie terbukti menurut s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah. Kegagalan menyatakan hal tersebut akan memberi satu gambaran pada tertuduh bahawa intipati-intipati tersebut telah dibuktikan secara pasti, dengan itu, mengakibatkan prejudis terhadap tertuduh.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen – Pertuduhan bawah s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dibaca bersama-sama dengan s. 34 Kanun Keseksaan – Sama ada hakim bicara membuat penilaian maksima terhadap keterangan-keterangan pendakwaan – Sama ada wujud kes prima facie – Sama ada intipati-intipati pertuduhan berjaya dibuktikan – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

Kedua-dua perayu telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen dengan dua pertuduhan, masing-masing bawah s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') dibaca bersama-sama dengan s. 34 Kanun Keseksaan ('KK'). Secara ringkasnya, fakta kes menunjukkan bahawa pengadu ('SP12') telah ditahan oleh dua orang anggota polis trafik iaitu kedua-dua perayu, semasa sedang memandu. Kenderaan SP12 telah diperiksa dan perayu-perayu menemui rokok seludup. Perayu-perayu mengugut untuk menangkap SP12 dan membawanya ke balai polis. SP12 mengaku ada membawa 28 karton rokok seludup. Perayu-perayu dikatakan meminta RM10,000 agar tiada tindakan diambil terhadap SP12. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut dikurangkan menjadi RM4,000 selepas SP12 merayu dan menyatakan hanya ada RM3,000 pada masa itu. Wang tunai berjumlah RM3,000 diserahkan pada masa itu manakala RM1,000 perlu diserahkan pada hari Sabtu, 24 September 2016. SP12 membuat aduan di Pejabat SPRM berkenaan hal itu. Satu operasi perangkap terhadap perayu-perayu dibuat. Pada hari dan masa yang ditetapkan, SP12 menyerahkan satu bungkusan kepada perayu-perayu. Kedua-dua perayu memfailkan notis alibi bahawa mereka tidak berada di tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam pertuduhan terhadap mereka. Menurut perayu pertama, dia berada di tempat kerjanya dan menurut perayu kedua, dia sedang mengawal lalu lintas. Di akhir kes pembelaan, kedua-dua perayu didapati bersalah dan disabitkan dan dihukum penjara selama 36 bulan dan denda RM15,000 (jika gagal bayar, enam bulan penjara) untuk pertuduhan pertama dan untuk pertuduhan kedua

A pula, penjara selama 24 bulan dan denda RM10,000 (jika gagal bayar, tiga bulan penjara). Mahkamah Sesyen memerintahkan agar kedua-dua pertuduhan berjalan secara serentak. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

B **(1)** Daripada alasan penghakiman yang disediakan, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') didapati gagal membuat penilaian maksima atas keterangan saksi-saksi pendakwaan untuk mewujudkan satu kes *prima facie* sebelum memanggil kedua-dua perayu membela diri. Hakim Mahkamah Sesyen hanya memberi tumpuan dan analisa pada keterangan saksi-saksi pihak pembelaan semata-mata dan gagal
C menyediakan satu 'speaking judgment'. (perenggan 11 & 16)

(2) Hakim Mahkamah Sesyen gagal membuat penilaian dalam: (i) menjelaskan sama ada elemen-elemen bawah s. 17(a) ASPRM telah dibuktikan; (ii) membuat dapatan secara spesifik bahawa wang telah
D diterima oleh kedua-dua perayu berkaitan dengan kedua-dua pertuduhan; (iii) mengambil kira bagi pertuduhan pertama, terdapat kewujudan pihak ketiga yang dikenal pasti berada di tempat kejadian dan tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan; dan (iv) mengambil kira keterangan-keterangan yang menyokong perayu-perayu tetapi sebaliknya
E mengambil kira keterangan-keterangan yang menentang perayu-perayu semata-mata. (perenggan 21)

(3) Hakim Mahkamah Sesyen gagal menimbangkan fakta-fakta penting, antara lain: (i) wang RM3,000 yang kononnya telah diserahkan kepada perayu-perayu tidak pernah pada bila-bila masa dikemukakan di
F mahkamah seperti mana pertuduhan pertama; (ii) wang RM1,000 yang kononnya diserahkan kepada perayu-perayu semasa perangkap, tidak pernah, pada bila-bila masa material, ditemui atau dirampas daripada perayu-perayu; (iii) isu permintaan wang rasuah sebagaimana keterangan SP12 tidak disokong oleh mana-mana bentuk keterangan, sama ada
G nyata atau mengikut keadaan, bagi pertuduhan pertama mahupun kedua; (iv) kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil rakan yang dinyatakan dalam kedua-dua pertuduhan dan berdasarkan keterangan SP12, maklumat dan kewujudan mengenai rakan tersebut yang dikenali sebagai 'Munsor' telah diberikan kepada SPRM namun tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan; (v) kes pendakwaan bergantung sepenuhnya
H pada keterangan SP12 dan tidak disokong oleh mana-mana keterangan saksi lain dan harus diingatkan bahawa SP12 adalah seorang rakan jenayah dan tidak dilindungi oleh s. 40 ASPRM; dan (vi) ketiadaan saksi pendakwaan yang nampak perayu mengambil wang tersebut dan mendengar perbualan antara SP12 dan perayu-perayu. (perenggan 22)

I **(4)** Melalui pembelaan mereka iaitu notis alibi untuk pertuduhan pertama dan kedua pula, kedua-dua perayu tidak pernah menyatakan bahawa mereka telah memegang beg yang mengandungi wang tersebut. Oleh

sebab pembelaan adalah alibi, HMS sepatutnya memutuskan atas imbangan kebarangkalian sama ada pihak pembelaan berjaya berbuat sedemikian. Malangnya, tiada apa-apa dapatan sedemikian yang dibuat oleh HMS terhadap pertuduhan pertama. Bagi pertuduhan kedua pula, HMS perlu membuat dapatan secara pasti bahawa perayu-perayu telah mengambil beg tersebut. Apa yang nyata adalah wang RM3,000 yang kononnya telah diserahkan kepada perayu-perayu tidak pernah pada bila-bila masa dikemukakan di mahkamah sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan pertama. (perenggan 30-33)

(5) Hakim Mahkamah Sesyen perlu selaku hakim bicara, menyatakan secara pasti bahawa keseluruhan intipati pertuduhan terhadap pertuduhan pertama dan kedua telah diasaskan sebelum memutuskan satu kes *prima facie* telah terasas sepertimana yang dikehendaki dan menurut peruntukan s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah. Kegagalan HMS berbuat demikian adalah sesuatu yang fatal kerana perayu-perayu dan juga mahkamah yang mendengar rayuan tidak tahu apakah faktor-faktor yang telah diambil kira oleh HMS sebelum mendapati dan memutuskan bahawa satu kes *prima facie* berjaya diasaskan oleh pihak pendakwaan sebelum memanggil kedua-dua perayu untuk membela diri. (perenggan 38 & 39)

Kes-kes yang dirujuk:
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2010] 9 CLJ 625 FC ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Hairie Mahthinem v. PP [2011] 8 CLJ 625 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 173(f)(i), (ii), (g), (h)(i), (ii), (iii), (m)(i), (ii), 180(4)
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 17(a), 24, 40, 43, 50
Penal Code, s. 34

Bagi pihak pendakwaan - Siti Sarah Zainal Abidin; TPR
Bagi pihak tertuduh - Sukri Mohamad & Marina; T/n Wan Haron Sukri & Nordin

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Ab Aziz H:

Pengenalan

[1] Kedua-dua perayu telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan pada 15 Ogos 2018 dengan dua pertuduhan masing-masing di bawah s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) yang dibaca bersama-sama dengan s. 34 Kanun Keseksaan yang mana boleh dihukum di bawah seksyen ASPRM 2009 tersebut.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 21 orang saksi sebagai saksi kes pendakwaan dan pada 13 Mac 2020. Mahkamah telah mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua pertuduhan dan dengan itu kedua-dua perayu telah dipanggil untuk membela diri.

[3] Di akhir kes pembelaan, mahkamah telah mendapati dan memutuskan bahawa kedua-dua perayu adalah bersalah dan dengan itu disabitkan dan dihukum penjara selama 36 bulan dan denda RM15,000 (jika gagal bayar enam bulan penjara) bagi pertuduhan pertama dan bagi pertuduhan kedua pula, kedua-dua perayu dijatuhkan hukuman penjara selama 24 bulan dan denda RM10,000 (jika gagal bayar tiga bulan penjara) dan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan tersebut adalah berjalan secara serentak.

[4] Kedua-dua perayu telah merayu di atas keputusan Mahkamah Sesyen bagi sabitan dan hukuman. Setelah menelitikan notis rayuan, alasan penghakiman dan setelah menimbangkan penghujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu dan mengenepikan perintah sabitan dan hukuman Hakim Mahkamah Sesyen (HMS). Alasan mahkamah adalah seperti berikut.

Fakta Kes

[5] Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan serta aduan (P15) yang dibuat oleh pengadu (SP12), fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(i) Pada Jumaat, 23 September 2016, pengadu, Yew Joo Sim (SP12) telah ditahan oleh dua anggota polis trafik jam lebih kurang 2200hrs semasa sedang memandu dari Felda Kechau ke Lipis di persimpangan jalan masuk ke Pahang Club, Lipis. Kenderaan SP12 telah ditahan dan diperiksa oleh dua orang anggota polis trafik tersebut yang menaiki kereta polis peronda jenis Proton Perdana di mana no. plat tidak diingat oleh SP12.

(ii) Kedua-dua anggota polis trafik tersebut dikatakan telah mengugut SP12 untuk menangkap dan membawa SP12 ke balas polis kerana memiliki rokok seludup. SP12 mengaku ada membawa sebanyak 28 karton rokok seludup lalu dikatakan anggota polis trafik tersebut meminta RM10,000 supaya tidak diambil tindakan ke atas SP12.

(iii) Walaubagaimanapun, jumlah tersebut dikatakan telah dikurangkan kepada RM4,000 selepas SP12 merayu dan menyatakan hanya ada RM3,000 pada masa itu. Wang tunai berjumlah RM3,000 telah diserahkan pada masa itu manakala baki RM1,000 lagi perlu diserahkan pada Sabtu, 24 September 2016.

(iv) Pada 24 September 2016 jam lebih kurang 1330hrs, SP12 telah pergi ke pejabat SPRM cawangan Raub, Pahang membuat aduan berkenaan hal itu dan seterusnya pada jam lebih kurang 2000hrs suatu taklimat telah dibuat di Bilik Gerakan, Pejabat SPRM Cawangan Raub, Pahang bagi menjalankan satu operasi perangkap terhadap suspek yang dikatakan dua orang anggota polis trafik tersebut dan taklimat telah disampaikan oleh Ps Firdaus bin Umar @ Adli (SP7) selaku Ketua Penyelaras Operasi. Taklimat tersebut turut dihadiri oleh SP4, SP5, SP6, SP8, SP9 dan SP11 yang merupakan Pegawai Operasi SPRM dan juga SP12. Sebelum taklimat dibuat, SP8 telah membuat satu tapping sebagaimana yang diarahkan oleh SP7 pada 24 September 20116 jam lebih kurang 1730hrs antara SP12 dengan seorang anggota polis trafik dari IPD Lipis bagi mengesahkan satu permintaan yang dikatakan wang rasuah daripada anggota polis tersebut daripada SP12 yang ditahan olehnya pada 23 September 2016 atas kesalahan menyeludup rokok murah.

(v) SP12 telah diperkenalkan kepada Pegawai Operasi SPRM dalam taklimat tersebut dan diakui oleh pengadu yang beliau tidak mengenali anggota polis trafik tersebut. Lokasi operasi adalah bertempat di Restoren Lipis Capathy Curry House, Taman Lipis, Kuala Lipis, Pahang. Suatu isyarat juga telah ditetapkan oleh SP7 mengenai isyarat transaksi penyerahan wang telah berlaku iaitu apabila SP12 memegang telinga kanannya sebaik sahaja wang telah diserahkan kepada suspek.

(vi) Pada jam lebih kurang 2255hrs, PPs Anand (SP5) memaklumkan bahawa SP12 menyerahkan satu bungkusan plastik berwarna oren kepada suspek di atas meja makan kedai. Kemudian tidak lama selepas itu, SP5 dan SP8 bangun dari tempat duduk mereka dan bergerak serentak ke arah meja SP12. Sesampai di meja SP12, kedua-dua perayu telah ditahan dan ditangkap oleh SP4 serta SP5 dan sitaan telah dilakukan oleh SP6.

(vii) Pada 15 Ogos 2018, perayu-perayu telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuantan dengan dua pertuduhan masing-masing di bawah s. 17(a) ASPRM 2009 dan dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah s. 24 Akta yang sama.

(viii) Pada 10 Disember 2018, kedua-dua perayu telah memfailkan notis alibi di mana perayu pertama ingin mengemukakan saksi-saksi bahawa pada 23 September 2016 jam 3 petang hingga jam 11 malam perayu pertama tidak berada di tempat sebagaimana yang dinyatakan di dalam pertuduhan pertama ke atas perayu pertama sebaliknya beliau berada di tempat kerjanya iaitu Pejabat Pertanyaan IPD Kuala Lipis, Pahang. Manakala perayu kedua, beliau akan mengemukakan saksi bahawa pada 23 September 2016 jam 8 malam hingga jam 12 tengah malam,

perayu kedua tidak berada di tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam pertuduhan pertama ke atas perayu kedua dan sebaliknya perayu kedua sedang mengawal lalu lintas sempena Karnival Lipis 2016 di Jalan Residen hingga simpang masuk TNB iaitu laluan utama untuk ke tapak Karnival Lipis 2016 (rujuk notis alibi perayu pertama dan notis alibi perayu kedua masing-masing bertarikh 10 Disember 2018 di ms. 1074 hingga 1079 Rekod Rayuan Tambahan).

[6] Merujuk kepada petisyen rayuan yang difailkan oleh pihak perayu, terdapat sepuluh alasan bagi rayuan tersebut iaitu:

(i) Alasan penghakiman Tuan HMS ialah suatu 'non-speaking judgment'.

(ii) Tuan HMS telah gagal membuat penilaian maksima ke atas keterangan-keterangan pendakwa bagi membuktikan wujudnya kes *prima facie* sebelum memanggil perayu-perayu untuk membela diri. Alasan penghakiman Tuan HMS tidak menyatakan sebab-sebab yang jelas kenapa beliau memanggil perayu-perayu membela diri sebaliknya alasan penghakiman beliau hanya menumpukan kepada keterangan pembelaan semata-mata.

(iii) Tuan HMS telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang dengan mengguna pakai s. 50 ASPRM 2009 tanpa terlebih dahulu membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan setiap elemen pertuduhan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.

(iv) Tuan HMS telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana membuat keputusan memanggil perayu-perayu membela diri dan keputusan sedemikian adalah bercanggah dengan peruntukan-peruntukan mandatori di bawah s. 173(f)(i) dan (ii), (g) dan (h)(i), (ii) dan (iii) Kanun Tatacara Jenayah. Percanggahan tersebut telah menyebabkan keputusan Tuan HMS adalah merupakan satu keputusan yang telah menafikan hak perayu-perayu untuk dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan. Ianya juga adalah merupakan salah arah kehakiman yang fatal dan tidak boleh dipertahankan.

(v) Tuan HMS telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana telah membuat keputusan memanggil perayu-perayu membela diri dengan hanya bergantung semata-mata kepada keterangan-keterangan yang menyokong pendakwaan sedangkan keterangan-keterangan yang menyokong pembelaan tidak langsung diambil kira.

(vi) Tuan HMS telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana membuat keputusan di akhir kes pembelaan bercanggah dengan peruntukan s. 173(m)(i) dan (ii) Kanun Prosedur Jenayah.

(vii) Tuan HMS telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila berkata "… di akhir kes pembelaan, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap

perayu-perayu", tanpa membuat keputusan sama ada keterangan-keterangan pembelaan telah menyangkal anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009. Ini kerana beliau menyedari terdapatnya anggapan dalam kes semasa.

(viii) Tuan HMS telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana telah membuat dapatan bahawa "… kereta Proton Perdana berwarna putih tersebut yang disimpan di balai polis …" adalah merupakan satu keterangan afterthought.

(ix) Tuan HMS telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang kerana di akhir kes pembelaan, beliau langsung tidak menilai dan tidak mengambil kira secara kehakiman keterangan-keterangan yang menyokong perayu-perayu sebaliknya semata-mata bergantung kepada keterangan yang menyokong pendakwaan. Dapatan sedemikian adalah merupakan dapatan yang menafikan hak perayu-perayu untuk dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pihak pembelaan.

(x) Hukuman yang dijatuhkan adalah terlalu berat dan tidak sesuai berdasarkan fakta-fakta kes yang wujud.

Pertimbangan Dan Penilaian Oleh Mahkamah

[7] Mahkamah telah merujuk kepada alasan penghakiman yang telah disediakan oleh HMS dan mendapati bahawa hakim bicara tidak langsung menyentuh keterangan saksi-saksi pendakwaan serta membuat dapatan fakta yang tepat/affirmative finding akan bagaimana keterangan saksi-saksi tersebut telah berjaya mengasaskan satu kes *prima facie* yang harus dijawab oleh pihak pembelaan jika ia dipanggil untuk membela diri. Mahkamah telah merujuk kepada s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah yang berbunyi seperti berikut:

> 180. Prosedur setelah pihak pendakwaan menamatkan kesnya.
>
> (1) …
>
> (4) Bagi maksud seksyen ini, suatu kes *prima facie* adalah dibuat terhadap tertuduh di mana pendakwa telah mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor kesalahan yang jika dipatahkan atau diterangkan akan wajarkan suatu sabitan.

[8] Di akhir kes pendakwaan adalah menjadi kewajipan kepada hakim bicara/incumbent untuk menyatakan dengan pasti sama ada kesemua intipati-intipati pertuduhan telah berjaya dibuktikan atau hanya dianggap. Kegagalan untuk menyatakan hal tersebut akan memberi satu gambaran kepada kedua-dua perayu bahawa intipati-intipati tersebut telah dibuktikan secara pasti dan bukan hanya sebagai anggapan. Ini adalah kerana hakim bicara telah menyentuh tentang anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009 di mana hakim bicara telah memanggil kedua-dua perayu untuk membela diri.

[9] Adalah jelas bahawa daripada alasan penghakiman yang disediakan oleh hakim bicara tersebut terutamanya di peringkat kes pendakwaan, hakim bicara tidak langsung membuat dapatan yang affirmative akan keterangan setiap saksi tersebut sebelum mengguna pakai peruntukan s. 50 ASPRM 2009. Kegagalan HMS sudah tentu akan memprejudiskan kedua-dua perayu akan bagaimana anggapan di bawah s. 50 tersebut adalah terpakai dan ini amat memprejudiskan kedua-dua perayu.

[10] Di akhir kes pendakwaan, HMS telah gagal untuk menjustifikasikan bagaimana beliau boleh memutuskan satu kes *prima facie* telah terasas menurut peruntukan s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah.

[11] Daripada alasan penghakiman yang disediakan, mahkamah mendapati bahawa HMS telah gagal untuk membuat penilaian yang maksima di atas keterangan-keterangan saksi pendakwaan bagi mewujudkan satu kes *prima facie* sebelum memanggil kedua-dua perayu untuk membela diri. Apa yang ada hanyalah HMS hanya memberi tumpuan dan analisa kepada keterangan saksi-saksi pihak pembelaan semata-mata.

[12] Adalah penting bagi HMS selaku hakim bicara yang mendengar segala fakta untuk menyediakan satu alasan penghakiman yang lengkap untuk diketahui apakah yang ada di dalam kepala beliau semasa mendengar, menilai dan menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan sebelum memutuskan bahawa satu kes *prima facie* telahpun terasas.

[13] Mahkamah merujuk kepada kes *Ganapathy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1 di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa:

> [1] The grounds of judgment of the learned judge were far from satisfactory in that they did not convey a "speaking" judgment although the importance of this has been stressed in a number of decided cases. The judgment consisted substantially of a reproduction of prosecution witnesses' testimonies in the form of questions and answers. The learned judge failed to analyse or assess these testimonies but merely set them out and presumably accepted them without question. He did not set out the defence of the appellant with a view to assessing it, nor did he test the defence by comparing it with the evidence adduced by the prosecution.

[14] Seterusnya di dalam kes *Hairie Mahthinem v. PP* [2011] 8 CLJ 625 di mana Mahkamah Rayuan menyatakan:

> (3) To arrive at a decision whether the version of the prosecution or the defence was to be believed would involve an evaluation of the credibility of the witnesses and how they withstood cross-examination. Not having the benefit of the trial judge's audio visual advantage of hearing and receiving that evidence, it would be wrong to make such evaluation to arrive at a finding of which version of the story was preferable.

[15] Di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2010] 9 CLJ 625, Mahkamah Persekutuan di dalam kes ini memutuskan bahawa: A

> [6] In this connection, we wish to state that grounds or reasons for a judgment are required so that parties, particularly the unsuccessful one, would know why the judge arrived at the decision the way he did.

B

[16] Dengan merujuk kepada kes-kes di atas, adalah jelas bahawa HMS di dalam kes ini telah gagal untuk menyediakan satu speaking judgment untuk memastikan bahawa beliau telah membuat analisa dan penilaian yang teliti dan mendalam terhadap kesemua keterangan saksi-saksi pendakwaan sebelum menyatakan bahawa satu kes pendakwaan telah diasaskan dan dengan itu wujud satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua perayu. HMS telah gagal untuk menyatakan secara kritikal terhadap kesemua keterangan saksi-saksi pendakwaan untuk menunjukkan satu kes *prima facie* telah terasas. C

[17] Juga, anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009 hanya boleh diguna pakai oleh pihak pendakwaan jika sekiranya pihak pendakwaan telah menepati intipati-intipati pertuduhan di bawah s. 17(a) ASPRM 2009. D

[18] Berkaitan dengan hal ini, mahkamah telah merujuk kepada peruntukan s. 173(h)(iii) Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan seperti berikut:

> 173. (h)(i) If the court finds that a *prima facie* case has been made out against the accused on the offence charges, the Court shall call upon the accused to enter on his defence. E
>
> (ii) If the Court finds that a *prima facie* case has been made out against the accused on an offence other than offence charged which the Court is competent to try and which in the opinion of the Court it ought to try, the Court shall amend the charge. F
>
> (iii) For the purpose for subparagraphs (i) and (ii), a *prima facie* case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

Rujuk kes *Looi Kow Chai & Anor v. Public Prosecutor* [2003] 1 CLJ 734. G

[19] Di dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 yang mana Mahkamah Persekutuan telah mendapati dan memutuskan seperti berikut:

> [15] For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case: H
>
> (i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused; I

A (ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes", then a *prima facie* case has been made out and the defence should be called. If the answer is "No" then, a *prima facie* case has not been made out and the accused should be
B acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS
C 82; [1963] MLJ 263.

[20] Di dalam kes ini, kedua-dua perayu telah dituduh dengan niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan bagi kedua-dua pertuduhan tersebut dengan itu adalah penting bagi HMS untuk membuat dapatan secara spesifik dan
D pasti bahawa niat bersama telah wujud dan telah diasaskan. Namun begitu, di dalam alasan penghakimannya HMS telah gagal berbuat demikian.

[21] Oleh itu, secara keseluruhannya, setelah menelitikan dan menimbangkan alasan penghakiman, HMS telah gagal di dalam membuat penilainan bahawa:

E (i) menjelaskan sama ada elemen-elemen di bawah s. 17(a) ASPRM 2009 telahpun dibuktikan;

(ii) membuat dapatan secara spesifik bahawa wang telah diterima oleh kedua-dua perayu berkaitan dengan keduadua pertuduhan;

F (iii) mengambil kira bagi pertuduhan pertama, terdapat kewujudan pihak ketiga yang dikenal pasti berada di tempat kejadian dan tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan; dan

(iv) mengambil kira keterangan-keterangan yang menyokong perayu-perayu tetapi sebaliknya mengambil kira keterangan-keterangan yang
G menentang perayu-perayu semata-mata.

[22] Daripada alasan penghakiman yang disediakan, adalah jelas bahawa HMS selaku hakim bicara telah gagal menimbangkan fakta-fakta penting seperti berikut:

H (i) Wang RM3,000 yang kononnya telah diserahkan kepada perayu-perayu tidak pernah pada bila-bila masa dikemukakan kepada mahkamah sepertimana pertuduhan pertama.

(ii) Wang RM1,000 yang kononnya telah diserahkan kepada perayu-perayu semasa perangkap di Capathy House tidak pernah pada bila-
I bila masa yang material ditemui atau dirampas daripada perayu-perayu.

(iii) Isu permintaan wang rasuah sebagaimana keterangan SP12 tidak disokong oleh mana-mana bentuk keterangan sama ada nyata atau mengikut keadaan bagi pertuduhan pertama mahupun pertuduhan kedua.

(iv) Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil rakan yang dinyatakan di dalam kedua-dua pertuduhan dan berdasarkan keterangan SP12, maklumat dan kewujudan mengenai rakan tersebut yang dikenali sebagai 'Munsor' telahpun diberikan kepada pihak SPRM namun tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan. 'Munsor' ini dapat mencerna kebenaran sejauh mengenai fakta yang berlaku pada episod pertama dan kegagalan ini merupakan suatu lompang bagi kes pendakwaan dan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dalah diguna pakai.

(v) Kes pendakwaan adalah bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP12 dan tidak disokong oleh mana-mana keterangan saksi lain dan harus diingatkan SP12 adalah dihujahkan sebagai seorang rakan jenayah dan tidak dilindungi oleh s. 40 ASPRM 2009.

(vi) Hal ehwal prinsipal/principal affair tidak berlaku memandangkan perayu-perayu adalah anggota polis trafik dan bukan menjadi tugas kerja perayu-perayu untuk mengendalikan kesalahan memiliki rokok seludup.

(vii) Perbualan telefon yang dipintas (tapped) dilakukan tanpa sebarang perakuan di bawah s. 43 ASPRM 2009 meskipun ianya dikemukakan semasa perbicaraan melalui eksh. P16A dan B (kaset) dan P17 (transkripsi).

(viii) Keterangan saksi pendakwaan sendiri (SP13, SP14, SP15 dan SP16) serta berdasarkan P6A iaitu daftar kerja harian (Cawangan Trafik IPD Lipis) menafikan kewujudan kejadian di episod pertama.

(ix) Ketiadaan keterangan saksi pendakwaan sama ada SP4, SP5, SP6, SP7, SP8, SP9 dan SP10 yang nampak bahawa perayu berbaju merah mengambil wang yang dikatakan berada dalam plastik oren tersebut.

(x) Tiada saksi pendakwaan yang mendengar perbualan di antara SP12 dan perayu-perayu. SP4, SP5, SP6, SP7, SP8, SP9 dan SP10 hanya nampak perayu-perayu duduk semeja dengan SP12.

(xi) SP6 pegawai sitaan menyatakan dalam keterangannya bahawa wang perangkap RM1,000 dijumpai dalam plastik oren di atas meja dan bukannya pada badan atau poket perayu-perayu (rujuk P13) dan tiada secebispun fakta dari saksi pendakwaan yang lain di mana mereka nampak perayu-perayu mengambil wang perangkap tersebut.

[23] Berkaitan dengan anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009, di mana anggapan ini hanya terpakai apabila pihak pendakwaan telah membuktikan setiap intipati-intipati pertuduhan terlebih dahulu.

[24] Di dalam kes *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116; [1969] 2 MLJ 89 jelas menunjukkan bahawa beban bukti yang harus dipikul oleh pihak tertuduh hanyalah di antara imbangan kebarangkalian. Namun demikian, ianya tidak pernah melepaskan tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan kes pendakwaan tanpa was-was yang munasabah.

[25] Daripada apa yang disediakan hanya terdapat catatan seperti berikut:

> Mahkamah Sesyen ini telah meneliti keterangan seramai 21 orang saksi-saksi pendakwaan semasa kes pendakwaan dan keterangan bersumpah tertuduh-tertuduh dan seorang saksi alibi tertuduh kedua di akhir kes pembelaan. Mahkamah Sesyen ini mendapati pihak pembelaan telah gagal menyangkal anggapan statutori yang diletakkan oleh Seksyen 50 ASPRM 2009 atas kadar kebarangkalian dan tertuduh-tertuduh telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Mahkamah Sesyen ini mendapati tertuduh-tertuduh telah gagal menimbulkan keraguan bagi intipati-intipati Seksyen 27(a) dan (c) di atas di mana wang yang dikatakan sebagai 'suapan' tersebut adalah sememangnya untuk diri tertuduh-tertuduh sendiri.

[26] Seterusnya, keputusan HMS adalah bercanggah dengan peruntukan mandatori s. 173 Kanun Tatacara Jenayah di mana peruntukan mmeperuntukan seperti berikut:

> Section 173. Procedure in summary trials.
>
> The following procedure shall be observed by Magistrates in summary trials:
>
> (a) …
>
> (f) (i) When the case for the prosecution is concluded the Court shall consider whether the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused.
>
> (ii) If the Court finds that the prosecution has not made out a *prima facie* case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.
>
> (g) Nothing in paragraph (f) shall be deemed to prevent the Court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the Court it considers the charge to be groundless.
>
> (h) (i) If the Court finds that a *prima facie* case has been made out against the accused on the offence charged, the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

(ii) If the Court finds that a *prima facie* case has been made out against the accused on an offence other than the offence charged which the Court is competent to try and which in the opinion of the Court it ought to try, the Court shall amend the charge.

(iii) For the purpose for subparagraphs (i) and (ii), a *prima facie* case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[27] Seterusnya, HMS telah gagal untuk mengaplikasikan darjah pembuktian yang betul di akhir kes pendakwaan dan di akhir kes pembelaan. Di dalam hal ini, HMS telah khilaf apabila menyatakan di dalam alasan penghakimannya:

… di akhir pembelaan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap tertuduh-tertuduh.

[28] Ini adalah kerana perayu-perayu telah dipanggil untuk membela diri berdasarkan kepada anggapan di mana sepatutnya HMS telah membuat satu dapatan yang pasti bahawa pihak pembelaan telah berjaya menyangkal anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009.

[29] Jelas bahawa HMS telah gagal untuk mengguna pakai keputusan kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] 1 MLJ 263 secara kehakiman:

(a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt	Convict.
(b) If you accept or believe the accused's explanation	Acquit.
(c) If you do not accept or believe the accused's explanation	Do not convict but consider the next steps below.
(d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt	Convict.
(e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt	Acquit.

[30] Melalui pembelaan mereka iaitu notis alibi yang telah dikemukakan bagi pertuduhan pertama yang telah dibangkitkan seawal saksi-saksi memberi keterangan, manakala bagi pertuduhan kedua, kedua-dua perayu tidak pernah menyatakan bahawa mereka telah memegang beg yang mengandungi wang tersebut.

A **[31]** Memandangkan pembelaan adalah alibi, HMS sepatutnya memutuskan di atas imbangan kebarangkalian (balance of probability) sama ada pihak pembelaan telah berjaya berbuat sedemikian. Malangnya, tiada apa-apa dapatan sedemikian yang dibuat oleh HMS bagi pertuduhan pertama.

B **[32]** Bagi pertuduhan kedua pula, memandangkan pihak pembelaan telah menyangkal mereka ada memegang beg tersebut, maka adalah perlu bagi HMS untuk membuat dapatan secara pasti bahawa perayu-perayu telah mengambil beg tersebut. Ini adalah kerana keterangan pihak pendakwaan sendiri telah mengesahkan bahawa semasa tangkapan, beg tersebut berada di atas meja dan bukannya dengan perayu-perayu. Perayu-perayu juga telah C tidak menandatangani borang atas alasan bahawa mereka tidak pernah memegang dan mengambil beg tersebut.

[33] Apa yang nyata adalah wang RM3,000 yang kononnya telah diserahkan kepada perayu-perayu tidak pernah pada bila-bila masa dikemukakan kepada mahkamah sepertimana yang dinyatakan di dalam D pertuduhan pertama.

[34] Juga, wang RM1,000 yang kononnya telah diserahkan kepada perayu-perayu semasa perangkap di Capathy House bagi pertuduhan kedua tidak pernah pada bila-bila masa ditemui atau dirampas daripada perayu-perayu.

E **[35]** Isu permintaan wang rasuah berkaitan keterangan SP12 tidak di sokong (disokong) oleh mana-mana bentuk keterangan sama ada nyata atau mengikut keadaan bagi pertuduhan pertama mahupun pertuduhan kedua.

[36] Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil rakan yang dinyatakan di dalam kedua-dua pertuduhan atas keterangan SP12, maklumat dan F kewujudan mengenai rakan tersebut yang bernama Munsor telahpun diberikan kepada pihak SPRM, namun tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan. Oleh itu, kegagalan untuk memanggil Munsor tersebut adalah merupakan suatu lompong bagi kes pendakwaan dan dengan itu s. 114(g) Akta Keterangan 1950 harus diguna pakai.

G **[37]** Pihak responden dalam penghujahan mereka telah menyarankan bahawa sekiranya alasan penghakiman HMS adalah non-speaking judgment, maka mahkamah yang mendengar rayuan boleh meneliti keterangan saksi-saksi semasa perbicaraan dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan di mana mahkamah akan mendapati ianya adalah cukup mantap untuk mensabitkan H kedua-dua perayu.

[38] Apa yang penting di sini adalah memandangkan HMS selaku hakim bicara punya kelebihan di dalam mendengar, melihat dan menelitikan keterangan saksi dan yang lebih penting untuk menilai demenour saksi-saksi, sudah tentulah HMS harus membuat dapatan yang betul akan keseluruhan I keterangan saksi-saksi tersebut dan memutuskan bahawa keterangan saksi-saksi tersebut adalah credible sepertimana peruntukan s. 180(4) Kanun

Tatacara Jenayah. Hakim yang mendengar rayuan tidak berpeluang untuk melihat kesemua keadaan-keadaan tersebut dan apa yang ada hanyalah menelitikan nota keterangan, alasan penghakiman dan penghujahan kedua-dua pihak. Oleh itu, adalah perlu bagi HMS selaku hakim bicara untuk menyatakan secara pasti bahawa keseluruhan intipati-intipati pertuduhan bagi pertuduhan pertama dan kedua telah diasaskan sebelum memutuskan satu kes *prima facie* telah terasas sepertimana yang dikehendaki dan menurut peruntukan s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah.

[39] Kegagalan HMS untuk berbuat demikian adalah sesuatu yang fatal oleh kerana pihak perayu-perayu dan juga mahkamah yang mendengar rayuan tidak tahu apakah faktor-faktor yang telah diambil kira oleh HMS selaku hakim bicara sebelum mendapati dan memutuskan bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya diasaskan oleh pihak pendakwaan sebelum memanggil keduadua perayu untuk membela diri.

[40] Kegagalan HMS selaku hakim bicara untuk memenuhi peruntukan s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah inilah yang menjadi asas bagi mahkamah ini untuk membenarkan rayuan pihak perayu-perayu dan mengenepikan perintah sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan.

Keputusan

[41] Setelah menelitikan alasan-alasan yang telah ditimbulkan oleh kedua-dua pihak, maka mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa HMS selaku hakim bicara telah gagal untuk menyediakan satu speaking judgment untuk membuktikan bahawa peruntukan s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah telah diasaskan sebelum pihak pembelaan di panggil membela diri.

[42] Dengan itu, rayuan perayu-perayu adalah dibenarkan dan perintah sabitan dan hukuman adalah diketepikan.